

Kosmo 16/05/2010

Kekurangan wanita *M/S 22*  
menyebabkan lelaki-lelaki  
di China sanggup  
membayar sejumlah wang  
yang tinggi untuk  
mendapatkan gadis-gadis  
miskin dari dalam negara  
atau negara jiran untuk  
dijadikan isteri.

**I**A pasti menjadi sesuatu yang paling menyedihkan dalam album perkahwinan di seluruh dunia. Pengantin perempuan merenung jauh, wajah ayu mereka menjadi hambar dan bingung sementara pengantin lelaki pula berwajah selamba dan bermimpi untuk menikmati kebahagiaan yang dibeli pada harga yang mahal.

Gambar perkahwinan yang dikumpul oleh seorang wanita daripada kumpulan bantuan wanita untuk mangsa perkahwinan paksa menghapus lakaran indah asmara China moden. Mereka adalah kira-kira 50,000 wanita



# Pemerdagangan isteri ke China

yang dibeli dalam setahun sebagai pengantin perempuan oleh lelaki yang tidak mampu untuk mencari isteri.

Kumpulan bantuan wanita, Persatuan Wanita Kachin dan mangsa yang terlibat memberitahu, pengantin perempuan diambil daripada wilayah atau negara-negara jiran yang miskin, merantau ke China untuk mencari pekerjaan.

Akhirnya tanpa disedari, mereka terperangkap dalam dakapan pedagang haram yang menjual mereka pada harga 19,000 Yuan (RM9,293) seorang.


Pengantin lelaki pula tergolong daripada kumpulan besar kelab lelaki bujang di dunia: China Moden. Jutaan lelaki berdepan dengan prospek hidup sebagai bujang kesepian kerana negara itu mengamalkan polisi seorang anak pada usia 30 tahun.

Kerajaan China menganggarkan pada 2020, 24 juta lelaki di seluruh dunia sukar mencari isteri sebagai teman hidup kerana masalah gender yang tidak seimbang disebabkan pengguguran selektif jantina selama tiga dekad lalu.

Dalam permainan perkahwinan itu, ramai lelaki yang miskin dan tidak berpelajaran kekal bujang kecuali mereka sanggup membayar pedagang haram 'mencuri' isteri untuk mereka dari Myanmar, Mongolia, Vietnam, Laos dan Korea Utara.

Sesetengah wanita yang berjaya melarikan diri memberitahu, mereka akan diarak atau dipertontonkan di hadapan bakal suami yang berpotensi sehingga pembeli bersedia untuk berunding tentang harga yang perlu dibayar. Kadangkala kaki wanita-wanita itu diikat bagi mengelakkan mereka melarikan diri.

Beberapa lagi wanita dipamerkan di depan khalayak ramai di pasar luar bandar Wilayah Yunan, China Selatan. Seorang pengantin perempuan yang berjaya melarikan diri memberitahu, dia dijual tidak ubah seperti binatang ternakan.



DIANGGARKAN 24 juta lelaki di seluruh dunia sukar mencari isteri kerana masalah ketidakseimbangan gender. – Gambar hiasan

Para pembeli adalah lelaki yang merupakan penduduk luar bandar kelas bawah yang akan dikutuk kerana hidup bujang kerana tidak ramai wanita untuk dipilih.

### Seksaan pengantin perempuan

Ketua Perlindungan Kanak-kanak UNICEF China di Beijing, Kirstin di Martino memberitahu, kekurangan wanita bujang untuk dikahwini dipercayai sebagai faktor peningkatan kes pemerdagangan manusia.

"Kami mempunyai 100 bayi perempuan dilahirkan bagi setiap 120 bayi lelaki.

"Kami menganggarkan daripada jumlah itu, kurang 500,000 bayi perempuan dilahirkan berbanding bayi lelaki dalam setahun," katanya.

Akibatnya, pedagang haram mendapati orang tengah sanggup membayar mereka sehingga RM12,000 iaitu sama dengan jumlah upah buruh tani yang bekerja selama dua tahun untuk membeli seorang isteri.

Seksaan bagi pengantin perempuan terbabit tidak berakhir di majlis perkahwinan dan di tempat tidur sahaja. Selepas dijual, kebanyakan wanita itu akan dihantar bekerja di ladang-ladang atau di kilang-kilang bagi melangsaikan beban hutang suami baru yang membeli mereka daripada pedagang haram.

Seorang pengantin perempuan yang berjaya

kembali ke rumahnya di utara Myanmar menjelaskan, dia dibawa ke timur China selepas terpedaya dengan tawaran bekerja sebagai seorang pelayan.

### Mangsa pedagang haram

"Saya di bawa ke Jilin di timur China. Apabila sampai di sana, saya menyedari bahawa saya telah dijual untuk menjadi pengantin perempuan pada harga 24,000 Yuan (RM11,752).

"Suami saya terencat akal dan keluarganya adalah petani. Saya terpaksa bekerja di ladang mereka dan saya tidak dibenarkan keluar bersendirian," katanya.

Usaha menyelamatkan berjaya apabila jiran membuat laporan kepada pihak polis bahawa ada pendatang asing tanpa izin. Polis tempatan menahannya dan selepas tamat tempoh penahanan, dia dibawa ke sempadan Myanmar dan dihantar pulang secara rasmi.

Satu kajian yang dilakukan oleh Persatuan Wanita Kachin Myanmar mendedahkan, 25 peratus wanita yang dijual untuk perkahwinan paksa di China adalah dalam kalangan mereka yang berumur antara 18 tahun ke bawah dan ada yang semuda 14 tahun. Sepuluh peratus daripada mangsa sudah berkahwin dan pergi ke China untuk mencari kerja bagi meringankan beban suami dan menyara anak-anak di negara asal.

Pedagang haram itu mencari mang-



WANITA yang melarikan diri daripada penindasan politik antara mangsa pedagang haram. – Gambar hiasan

sa dalam kalangan wanita di sempadan. Wanita Korea yang melarikan diri akibat kelaparan dan penindasan politik contohnya mendapati diri mereka berakhir di tangan pedagang yang menjual mereka sebagai pengantin perempuan kepada lelaki China.

Seorang penyelidik dari Persatuan Wanita Kachin mendedahkan, sebahagian besar mangsa adalah wanita yang pergi ke China untuk mencari pekerjaan dan ditipu oleh pedagang haram.

Katanya, mereka seringkali dibawa sejauh beribu-ribu kilometer dari sempadan bandar-bandar untuk dijual di kawasan timur China.

"Hanya sebilangan kecil wanita sahaja yang berjaya melarikan diri.

"Mereka tidak tahu dan tidak faham bahasa pertuturan di sana dan jika meninggalkan rumah mereka akan berhadapan dengan risiko ditangkap sebagai pendatang haram. Jadi, rumah baru mereka bak penjara," ujarnya.

Tahun lalu, China melancarkan kempen memerangi pemerdagangan manusia dan mendakwa akan menyelamatkan wanita dan kanak-kanak pada nisbah 1,000 sebulan. Namun Di Martino memberitahu, jumlah mereka yang diselamatkan jauh lebih rendah dari yang dijangkakan kerana banyak kes tidak dapat dikesan, tidak pernah dikenalpasti atau dibantu. – Dpa